AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

*Penularan COVID-19*

# Kumpulan penasihat kesihatan, saintifik COVID-19 dibentuk

## Kerajaan terbuka kongsi idea kurangkan impak pandemik

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my



*Muhyiddin Yassin*

**Kuala Lumpur:** Kerajaan bersetuju membentuk satu kumpulan penasihat kesihatan dan saintifik COVID-19 untuk memberi nasihat berkaitan hal pengurusan pandemik berkenaan.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata kerajaan terbuka mendengar dan meneliti pelbagai pandangan serta idea yang dikongsi pelbagai pihak dalam usaha untuk mengurangkan impak penularan COVID-19.

"Saya terbuka mendengar nasihat dan idea anda supaya kita semua dapat menyumbang untuk mengurangkan jumlah jangkitan serta kesan seterusnya terhadap kehidupan rakyat.

"Saya bersetuju membentuk kumpulan penasihat kesihatan dan saintifik COVID-19 yang memberi nasihat kepada kerajaan mengenai perkara berkaitan dengan pengurusan COVID-19.

"Justeru, saya berharap anda dapat mengemukakan calon yang sesuai menyertai ahli kumpulan penasihat ini," katanya dalam jawapannya kepada 46 orang pakar kesihatan negara yang sebelum ini menandatangani sepucuk surat terbuka ditujukan kepada beliau bagi membangkitkan kebimbangan mereka terhadap penularan COVID-19 ketika ini.

Antara menandatangani surat itu ialah bekas Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Abu Bakar Suleiman dan bekas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Christopher Lee.

Dalam surat bertarikh 7 Januari 2021 itu, mereka meminta kerajaan mengambil tindakan segera dan serius, di samping mengemukakan 10 cadangan untuk dipertimbangkan Muhyiddin dalam usaha menangani kesan buruk akibat COVID-19.

Mengulas lanjut, Muhyiddin meminta wakil kumpulan pakar itu menemuinya dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba bagi mengadakan perbincangan dan berkongsi pandangan lebih lanjut.

Beliau juga memberi jaminan kerajaannya terus fokus menguruskan pandemik ini, sekali gus mengelakkan kesan lebih serius terhadap ekonomi dan sosial.

"Saya akan terus mengetepikan soal politik, fokus bekerja untuk semua rakyat sehingga berakhirnya wabak ini dan mengetuai negara supaya proses pemulihan yang sukar mesti diikuti," katanya.




*Sebanyak 8,000 katil ditempatkan di Zon Merah PKRC MAEPS, Serdang.* (Foto BERNAMA)

# Syor PKRC MAEPS jadi pusat kesihatan daerah

**Kuala Lumpur:** Kerajaan bercadang meningkatkan fungsi Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang sebagai pusat kesihatan daerah dengan peralatan kesihatan lengkap.

Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Datuk Dr Aminuddin Hassim, berkata ia antara beberapa strategi disusun kerajaan jika bilangan pesakit dijangkiti COVID-19 terus meningkat.

Katanya, rancangan juga diketengahkan supaya PKRC diwujudkan di negeri.

"Jika pesakit terus meningkat, pesakit Tahap 1 dan 2 dinasihatkan jalani kuarantin di rumah dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Kita juga bekerjasama dengan hotel untuk dijadikan pusat kuarantin bagi golongan berkemampuan yang tergolong sebagai pesakit Tahap 1 dan 2," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, beberapa cadangan lain akan digerakkan apabila tiba waktunya.

Setakat kelmarin, katanya, sebanyak 8,000 katil ditempatkan di Zon Merah PKRC, iaitu di Dewan A, Dewan B, Dewan C, Dewan D dan Dewan E. Daripada jumlah itu, 2,965 digunakan pesakit di Zon Merah, manakala baki katil kosong ialah 5,035.

Jumlah kumulatif pesakit di PKRC adalah 24,665 orang, iaitu 22,327 lelaki dan 2,138 orang wanita.

# Selangor catat peningkatan jumlah kes harian tertinggi

**Putrajaya:** Sebanyak 3,339 kes positif COVID-19 baharu dilaporkan semalam, menjadikan jumlahnya kepada 158,434 kes, manakala tujuh kematian turut direkodkan, membawa jumlah kumulatif kepada 601 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 3,324 daripada kes yang dilapor membabitkan penularan tempatan, manakala 15 adalah kes import.

Beliau berkata, Selangor terus menunjukkan peningkatan kes harian tertinggi dengan 1,314 kes, diikuti Sabah (393), Johor (362), Kuala Lumpur (334) dan Negeri Sembilan (236).

"Bagi kes penularan dalam negara, sebanyak 2,292 kes adalah warganegara Malaysia (68.9 peratus), manakala 1,032 kes adalah bukan warganegara.

"Selangor masih melaporkan kes harian baharu tertinggi dengan 1,314 kes (39.4 peratus).

"Daripada jumlah ini, 1,122 kes (85.4 peratus) adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Sebanyak 159 kes (4.8 peratus) yang dilaporkan adalah berkaitan kluster di lokap, depoh tahanan imigresen dan penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (94 kes), DTI Sepang 2 (53), Kluster Tembok Gajah (enam), Kluster Telok Mas (tiga), Kluster Tembok Kemus (dua) dan Kluster Tembok Mempaga (satu)," katanya pada satu kenyataan media, semalam.

Ketika ini, 240 kes positif COVID-19 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), dengan 93 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Dr Noor Hisham berkata, tujuh kematian dilaporkan semalam, menjadikan jumlahnya kepada 601 kes atau 0.38 peratus daripada keseluruhan kes.

"Ia babitkan tiga lelaki dan empat wanita, termasuk seorang wanita warga asing," katanya.

Beliau berkata, mereka berusia antara 32 hingga 93 tahun dan kematian direkodkan di Johor (tiga), Selangor (tiga) serta satu di Kedah.

Katanya, KKM merekodkan 2,676 kes sembuh menjadikan jumlah kumulatif 120,051 kes atau 75.8 peratus daripada keseluruhan kes.

Sehingga tengah hari semalam, beliau berkata, KKM merekodkan 651 kluster, termasuk 10 kluster baharu semalam.

Dr Noor Hisham berkata, enam daripada kluster baharu yang dilaporkan semalam membabitkan tempat kerja, iaitu Kluster Jalan Pandan Indah di daerah Hulu Langat, Selangor; Kluster Jalan Mawila di Kota Kinabalu, Sabah; Kluster Jalan Perak di Johor Bahru, Johor; Kluster Jalan Menerung, Lembah Pantai, Kuala Lumpur; Kluster Tapak Bina Jalan Yap di Titiwangsa, Kuala Lumpur dan Kluster Jalan Mohammed Salleh di Labuan.

# 66 ditahan rentas negeri, daerah tanpa kebenaran

**Kuala Lumpur:** Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyaksikan seramai 66 individu dikesan melakukan kesalahan merentas negeri atau daerah tanpa kebenaran, kelmarin.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata mereka adalah antara 608 individu yang ditahan selepas didapati melanggar prosedur operasi standard (SOP) PKP di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, katanya, 580 individu dikompaun dan 27 individu lain ditahan reman, manakala seorang diberi jaminan.

"Antara kesalahan yang dikesan adalah tidak memakai pelitup muka (200), gagal untuk menyediakan peralatan merekod butiran pelanggan (147), gagal mematuhi arahan penjarakan fizikal (46), premis beroperasi lebih masa (42), aktiviti pusat hiburan (11) dan lain-lain (96)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Ismail Sabri berkata, sebanyak 2,436 pasukan pematuhan membabitkan 11,162 anggota membuat pemantauan di 3,639 pasar raya, 4,882 restoran serta 1,547 penjaja, 1,394 kilang, 3,128 bank serta 537 pejabat kerajaan.

"Sejumlah 909 terminal pengangkutan darat, 283 terminal pengangkutan air serta 91 terminal pengangkutan udara dipantau," katanya.

Menerusi Operasi Benteng, katanya, seramai 17 pendatang asing tanpa izin (PATI) dan dua tekong ditahan, manakala tujuh kenderaan darat turut dirampas.

Katanya, sebanyak 415 sekatan jalan raya dilaksanakan semalam di seluruh negara bagi mengekang kemasukan pendatang asing tanpa izin.

Ismail Sabri berkata, bekalan barangan keperluan juga mencukupi dan mampu menampung keperluan dalam negara secara berterusan serta mudah diperoleh.